| Headline | FRIM lancar polisi baharu, utamakan aspek keselamatan, kesihatan pekerja | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Wilayahku | | |
| Date | 27 Jan 2022 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 50,000 |
| Page No | 8 | Readership | 100,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 216 cm² |
| Journalist | NAZWIN NAZRI | AdValue | MYR 1,259 |
| Frequency | Weekly | PR Value | MYR 3,777 |



# FRIM lancar polisi baharu, utamakan aspek keselamatan, kesihatan pekerja



*ISMAIL bersama warga kerjanya semasa Majlis Perhimpunan Bulanan FRIM yang pertama.*

**NAZWIN NAZRI**

**BAGI** memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja dapat dilaksanakan secara efektif serta lebih berkesan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melancarkan Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan FRIM.

Pelancaran berkenaan dilakukan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan FRIM yang pertama, pada 17 Januari lalu.

Ketua Pengarahnya, **Dr Ismail Parlan** berkata, polisi yang diperkenalkan itu bertujuan untuk memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dilaksanakan secara efektif dan berkesan.

"Selain itu, polisi ini dapat mewujudkan suasana persekitaran kerja yang selamat dan sihat," katanya.

Dalam pada itu, beliau ketika berucap, turut menyeru warga kerjanya untuk menghadapi cabaran mendatang dengan penuh kesungguhan dan semangat.

"Cabaran yang mendatang juga berbeza daripada apa yang pernah kita (FRIM) alami.

"Namun, adalah penting untuk kita sama-sama mendepaninya dengan kesungguhan, keberanian dan penuh semangat perpaduan antara kita. Semoga FRIM terus kukuh dan maju," ujarnya. WK

Powered by: iSENTIA